# 500 Tahun Melayu Menghadapi Cabaran

Kamaruddin M. Said

KRIS PUBLICATIONS
Shah Alam
2004

*Terbitan:*
*KRIS PUBLICATIONS SDN. BHD.*
*No. 39B, Jalan Nilam 1/2, Subang Square,*
*Subang Hi-Tech Industrial Park,*
*Batu Tiga, 40000 Shah Alam,*
*Selangor Darul Ehsan.*

*Tel: 03-5637 9045*
*Faks: 03-5631 7540*

*© Kris Publications Sdn. Bhd. (504945-U) 2004*

*Perpustakaan Negara Malaysia data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan*
*Kamaruddin M. Said*
*500 tahun Melayu Menghadapi Cabaran/Kamaruddin M. Said.*
*ISBN 983-41296-3-7*
*1. Malays–Politics and government. 2. Malays--History. I. Judul.*
*II. Judul: Lima ratus tahun Melayu menghadapi cabaran.*
*305.89923*

*Semua hak cipta terpelihara. Semua bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu daripada Kris Publications Sdn. Bhd. (504945-U)*

*Muka Taip Teks: AGaramond*
*Saiz Taip: 12/14*

*Dicetak oleh:*
*MONOSETIA SDN. BHD.*
*Plot 46(B), Lorong Perindustrian Bukit Minyak 9,*
*Seberang Prai Tengah, 14000 Bukit Minyak,*
*Pulau Pinang.*

M
305.89923
KAM

M
1191453

14 JUL 2005
Perpustakaan Negara
Malaysia

Ditujukan kepada
## Yang Berbahagia
## Tun Dr. Mahathir Mohamad




*Kerana telah berjaya membebaskan orang Melayu daripada belenggu kemiskinan dan menaikkan kedudukan serta harga diri mereka menerusi jalan pendidikan, pembangunan ekonomi, dan penghayatan Islam yang pragmatik.*

# Dedikasi

*Buku ini juga ditujukan kepada anak-anakku Arif, Hannah, dan Maria yang harus tahu erti perjuangan dan kemerdekaan, dan isteriku Dr. Solehah Ishak yang telah merasakan beratnya cabaran perjuangan.*

*Dr. Kamaruddin Md. Said*

# Prakata

Buku kecil ini ialah teks kepada satu persembahan multimedia yang bertajuk *500 Tahun Melayu Menghadapi Cabaran*. Oleh itu, bentuk dan kandungannya sangatlah ringkas dan dipadatkan. Teks ini bertujuan diedarkan kepada para hadirin yang menghadiri program latihan kepimpinan atau latihan jati diri untuk membantu mereka mengingati fakta sejarah yang penting.

Persembahan multimedia dan teks ini ditujukan kepada orang Melayu yang tidak berpeluang mengkaji sejarah perjuangan bangsanya. Di samping itu, persembahan ini juga ditujukan kepada mereka yang pernah mempelajari sejarah orang Melayu di negara ini, tetapi telah terlupa kandungan dan urutan peristiwanya.

Meringkaskan peristiwa sejarah yang meliputi 500 tahun tentulah terpaksa mengorbankan terlalu banyak kandungannya yang terperinci. Oleh itu, teks ini tidaklah boleh digunakan bagi mempelajari kandungan sejarah yang terperinci dan kompleks. Sesungguhnya sejarah perjuangan orang Melayu ini perlu dikaji secara lebih mendalam menurut kaedah pengajian sejarah yang lebih sistematik. Namun begitu, bagi mereka yang ingin berkenalan dengan sejarah tanah airnya buat kali pertama, ataupun bagi mereka yang hampir lupa akan liku-liku sejarah perjuangan bangsanya, persembahan multimedia, dan teks yang ringkas ini diharapkan akan dapat memberikan bantuan yang sewajarnya.

**Kamaruddin M. Said**

# Kandungan


| | | |
|---|---|---|
| | *Penghargaan* | *iii* |
| | *Dedikasi* | *iv* |
| | *Prakata* | *v* |
| | *Kata Pengantar Y.A.B. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi: Perdana Menteri Malaysia* | *vii* |
| | *Kata Pengantar Y.A.B. Datuk Wira Mohd Ali Rustam: Ketua Menteri Melaka* | *x* |
| | *Hakikat Sejarah* | *xiii* |
| 1 | Usia Kerajaan Melayu Melaka Hanyalah Selama 110 tahun | 1 |
| 2 | Dibelenggu oleh Portugis dan Belanda Selama 313 tahun | 15 |
| 3 | Dikuasai dan Dijajah oleh Inggeris Selama 167 tahun | 33 |
| 4 | Dikuasai oleh Jepun Selama 3 1/2 tahun | 65 |
| 5 | Ancaman Tentera Bintang Tiga | 73 |
| 6 | Orang Melayu Menentang Malayan Union | 83 |
| 7 | Penubuhan UMNO | 91 |
| 8 | Ancaman Parti Komunis Malaya | 119 |
| 9 | Merdeka Setelah Terbelenggu Selama 446 tahun | 137 |
| 10 | Peristiwa 13 Mei 1969 | 175 |
| 11 | Strategi dan Kebijaksanaan Kepimpinan UMNO | 187 |
| 12 | Transformasi dan Pembangunan Masyarakat di Kalangan Orang Melayu | 197 |
| 13 | Ketika Berlaku Perpecahan di Kalangan Orang Melayu | 237 |
| 14 | Menguruskan Kejayaan | 249 |



Kata Pengantar

## Y.A.B. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Perdana Menteri Malaysia

Pejabat Perdana Menteri Malaysia
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Putrajaya

**Orang Melayu** di bumi Malaysia ini perlu mempelajari dan menghayati sejarah perjuangan ibu bapa dan nenek moyang mereka. Bumi yang kita pijak sekarang ini bukan sedari dulu lagi bebas, aman, dan sentosa. Tanah Melayu, malah Nusantara keseluruhannya, pernah dijajah kuasa-kuasa kolonial Barat beratus-ratus tahun lamanya. Saat-saat getir yang terpaksa dilalui, pahit maung ditindas dan dipijak lantaran menumpang di bumi sendiri tidak akan pernah padam dari ingatan setiap dari kita yang melaluinya. Kemerdekaan yang dicapai terlebih dahulu menuntut perjuangan yang bermandikan keringat dan bersiramkan darah.

Kenangan yang bersemadi dalam lipatan sejarah tentang keberanian dan kegigihan orang Melayu dalam menuntut kemerdekaan Negara ini, bagaimana orang Melayu menyusun strategi dan mengorak langkah untuk memerintah Negara ini dengan jayanya dan bagaimana kepimpinan Melayu dahulu bersusah payah membangunkan Negara berbekalkan apa yang ada sambil menyusun semula struktur sosio ekonomi masyarakat Malaysia yang tidak seimbang menerusi Dasar Ekonomi Baru dan sebagainya, perlulah disemat dalam sanubari setiap dari orang Melayu. Kemajuan, kemakmuran, dan kedudukan yang dinikmati oleh orang Melayu hari ini bukanlah umpama kata pepatah 'yang bulat datang bergolek dan yang pipih datang melayang'.

Mungkin ramai daripada kita yang mengetahui tentang kewujudan kerajaan Melayu Melaka dalam abad kelima belas. Kerajaan yang ampuh kemudiannya tumbang dek serangan Portugis. Sejak itu bermulalah zaman gelap kita dibelenggu kuasa-kuasa Barat. Tidak kurang juga kuasa lain yang turut ingin menjajah seperti Siam, Jepun, mahupun Komunis. Namun, berkat kebijaksanaan dan perpaduan orang Melayu, setelah kuasa-kuasa penjajah menjadi lemah akibat Perang Dunia Kedua, kita bangkit mencapai kemerdekaan. Alhamdulillah, berbekalkan semangat dan kesungguhan, yang ditunjangi keikhlasan dan diplomasi serta kerjasama rakyat berbilang kaum, kita telah bersama-sama membangunkan Negara ini, meletakkannya di tahap ia megah berdiri hari ini.

Pada sesetengah dari rakyat Malaysia yang bersama-sama terhimpit dalam azab penjajahan, sama-sama berpencak menghunus keris bagi mencapai kemerdekaan serta bertungkus lumus berusaha untuk memajukan Negara ini, ianya merupakan satu rentetan pengalaman yang tak

akan pernah pudar. Namun, bagi sesetengah daripada kita terutamanya anak muda hari ini yang tidak pernah melalui semua itu, ianya hanyalah satu catatan sejarah, yang akan lapuk dan lekang jika tidak dihayati.

Sejarah perjuangan dan pembentukan bangsa serta pembangunan Negara haruslah disemai dan berakar kukuh di dalam benak minda dan sanubari setiap dari kita, orang Melayu. Ia bukan hanya harus dibaca atau diketahui, tetapi semangat dan pengajarannya harus dijiwai, menjadi pedoman dalam setiap langkah yang diorak. Sedarlah bahawa masyarakat yang tidak memahami sejarah bangsa dan negaranya akan mengulangi kesilapan lampau, bertanggungjawab mengheret bangsa dan negaranya ke lembah kehancuran. Tidak ada apa yang lebih menyedihkan saya selain daripada sekiranya perkara itu berlaku. Insaflah, sekali dijajah masih belum hilang pedihnya, janganlah dibiarkan diri dijajah buat kali kedua.

Saya yakin, buku '500 Tahun Melayu Menghadapi Cabaran' ini akan mampu untuk menyegar dan mengukuhkan kembali di dalam minda rakyat Malaysia terutamanya orang Melayu akan fakta-fakta yang telah tercatat dalam lembaran sejarah Negara dan bangsa kita. Semoga buku ini dapat membantu menyemaikan warisan Negara di dalam sanubari setiap rakyat Malaysia, agar kita kenal dan tidak pernah lupa siapa diri kita.

**Y.A.B. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi**



Kata Pengantar

## Y.A.B. Datuk Wira Mohd. Ali Rustam
## Ketua Menteri Melaka

Melaka ialah sebuah negeri yang bersejarah. Di bumi Melaka inilah terletaknya sebuah Kerajaan Melayu yang pada abad kelima belas, begitu terkenal di seluruh dunia. Di sinilah Raja Melayu yang terkenal seperti Sultan Mansur Shah; Bendahara yang bijaksana seperti Bendahara Paduka Raja; dan pahlawan Melayu yang terulung, iaitu Laksamana Tun Tuah pernah hidup dan mewarnakan kegemilangan Kerajaan Melayu. Inilah bumi yang telah menyaksikan kewujudan sebuah Kerajaan Melayu selama 110 tahun.

Namun demikian, inilah juga pelabuhan yang telah didatangi oleh Alfonso d' Albuquerque pada tahun 1511. Setelah itu, bumi Melaka yang bertuah ini telah menangisi nasibnya. Tangisan itu merupakan tangisan

sebuah Kerajaan Melayu yang tertewas dan tangisan rakyatnya yang terbelenggu, berlangsung selama 446 tahun. Sejarah penguasaan Portugis, Belanda, Inggeris, Jepun, dan Inggeris lagi, terhadap bumi Melaka begitu panjang, iaitu empat kali ganda panjangnya daripada usia sejarah kewujudan Kerajaan Melayunya. Melaka tidak mudah, malah tidak mungkin, melupakan sejarahnya.

Melaka juga bersyukur kerana pada 20 Februari 1956, berita tentang tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah diumumkan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra di Padang Bandar Hilir, Melaka dan didengari oleh kira-kira 50 000 orang. Berita itu juga telah didengari oleh gerbang A Famosa, Kota Melaka yang telah terpaku di negeri ini sejak tahun 1512. Akhirnya, bumi Melaka dan Persekutuan Tanah Melayu terlepas juga daripada belenggu penjajahan. Akhirnya, penantian selama 15 generasi itu pun berakhir. Oleh itu, bermulalah catatan mengenai kemerdekaan tanah air. Melaka tidak mungkin melupakan sejarahnya.

Walaupun kita pernah menangisi tragedi dalam sejarah kita, kita juga mungkin lalai lalu mengizinkan tragedi itu berulang kembali. Siapa yang melupakan sejarahnya, kata orang bijak pandai, akan mengulangi lagi kesilapannya, dan akan mengakibatkan dirinya terbelenggu lagi selama ratusan tahun pula.

Kini, kita hanya telah merdeka selama 47 tahun, iaitu kira-kira sepuluh peratus sahaja berbanding dengan lamanya masa kita telah dijajah. Tanggungjawab kita adalah untuk menjamin supaya kemerdekaan kita ini berterusan hingga ke akhir zaman. Insya-Allah.

Kita bersyukur kerana setelah mencapai kemerdekaan, banyak kemajuan yang telah kita capai. Kesemua ini telah tercapai kerana kebijaksanaan para pemimpin kita yang telah mengasaskan agenda pengisian kemerdekaan kita dengan teliti dan berhati-hati. Banyak masalah yang telah berjaya diatasi secara perundingan. Kerjasama seluruh rakyat pelbagai kaum yang telah menyokong agenda pengisian kemerdekaan ini telah memungkinkan kita mencapai pembangunan yang pesat.

Jika Bendahara Paduka Raja dan Laksamana Tun Tuah hidup kembali, dan menyaksikan kemajuan yang telah dicapai oleh negeri dan masyarakat Melaka, mereka pasti tidak akan kecewa. Kekecewaan mereka kerana tidak berupaya mempertahankan Melaka daripada serangan Portugis kira-kira 500 tahun dahulu itu telah dapat kita tebus kembali. Kita bukan sahaja berjaya mencapai kemerdekaan, tetapi juga berjaya mengisi kemerdekaan ini dengan pembangunan segala aspek kehidupan dengan saksama. Melaka bersyukur kepada Allah yang Maha Berkuasa.

Buku kecil yang akan dilancarkan ini mempunyai makna yang tersendiri kepada kami di negeri Melaka. Buku ini juga tentunya bermakna kepada rakyat di seluruh negara. Buku ini mengajak kita semua melihat lipatan sejarah kita sepanjang 500 tahun berlalu. Mudah-mudahan sejarah akan menjadi guru yang mengajarkan iktibarnya kepada kita semua.

Y.A.B. Datuk Wira Mohd. Ali Rustam

## Hakikat Sejarah

- Orang Melayu perlu memahami sejarahnya sendiri. Tanpa memahami sejarahnya, mereka tidak mungkin dapat membina jati diri yang teguh dan tidak berupaya pula mempertahankan pelbagai kepentingannya demi menjamin masa depan anak cucu Melayu akan datang.

- Orang Melayu perlu memahami sejarah yang dilalui oleh orang Melayu di tanah airnya sendiri. Jika tidak, orang lain tidak akan memesongkan sejarah Tanah Melayu bagi mengelirukan orang Melayu. Kita perlu memahami sejarah kerana nasib dan jati diri sesuatu bangsa sesungguhnya dapat diteliti menerusi pengalaman sejarahya. Bangsa yang tidak mengenal sejarahnya akan bernasib malang kerana bangsa itu akan mengulangi kesilapan dan tragedi lampau yang telah menimpanya. Jati diri satu bangsa yang tidak menginsafi sejarahnya, akhirnya hanya akan tersimpan di arkib dan muzium bangsa lain.

- Jika kini, ketuanan Melayu tidak dapat bertahan di Malaysia, maka pastilah orang Melayu akan tersisih semula daripada tanah airnya sendiri – sama seperti yang dihadapi oleh Kerajaan Melayu Melaka, kira-kira 500 tahun lampau itu.

- Sejak 500 tahun lalu, terlalu banyak pihak yang ingin menguasai negeri ini dan yang ingin menghancurkan ketuanan Melayu.

- Orang Melayu telah berada di Alam Melayu sejak dalam zaman prasejarah lagi. Tetapi, terdapat pihak yang mengatakan orang Melayu di Malaysia merupakan golongan pendatang, sama seperti orang Cina dan India.

Pengetahuan sejarah mengajar kita supaya tidak mudah lupa kepada liku-liku perjuangan bangsa. Kejayaan bangsa tidak terhasil dengan sendirinya. Kejayaan terhasil kerana tekad, perpaduan, dan kepintaran dalam menghadapi pelbagai cabaran perjuangan.



# 1

# Usia Kerajaan Melayu Melaka Hanyalah Selama 110 Tahun

# Orang Melayu Pendatang?

Orang Melayu di Malaysia bukanlah pendatang di Alam Melayu dan bukan juga pendatang di Tanah Melayu. Orang Melayu ialah warga tulen Alam Melayu. Oleh itu, sesiapa sahaja yang menuduh orang Melayu di Malaysia sebagai pendatang, maka tuduhan itu tentulah datangnya daripada orang yang tidak memahami hakikat sejarah.

# KERAJAAN MELAYU TELAH LAMA WUJUD DI ALAM MELAYU

FUNAN • CAMPA • LANGKASUKA • KATAHA •
HO-LO-TAN – PATANI • SRIVIJAYA • SAILENDRA •
MAJAPAHIT • PASAI – MELAKA • RIAU LINGGA •
BENTAN • MATARAM • ACHEH

# MELAKA DIBUKA OLEH PARAMESWARA PADA 1400

- Pada tahun 1396, Parameswara dan para pengikutnya telah mengundurkan diri dari Temasik (kini Singapura) lalu meneroka ke kawasan Muar, Sungai Ujung, dan akhirnya membuka petempatan baru di Bertam, Melaka.

- Anjing buruan Parameswara dikalahkan oleh seekor pelanduk ketika baginda berteduh di bawah pokok melaka. Oleh itu, baginda menamakan tempat itu Melaka. Demikianlah menurut sejarah lisan Melayu.

Sejak penubuhannya, Kerajaan Melayu Melaka diperintah oleh

SULTAN

dengan bantuan

BENDAHARA,

PENGHULU BENDAHARI,

TEMENGGUNG,

dan

LAKSAMANA.

## Urutan Sejarah Pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka

- Pada tahun 1414, Parameswara memeluk agama Islam dan menggunakan nama Raja Iskandar Shah.

- Pada tahun 1424, Raja Iskandar Shah mangkat dan digantikan oleh putera baginda yang menggunakan nama Sultan Muhammad Shah atau Sultan Megat.

- Pada tahun 1445, Sultan Muhammad Shah mangkat dan digantikan oleh putera baginda Raja Ibrahim yang menggunakan gelaran Sultan Abu Shahid.

- Pada tahun 1446, selepas kemangkatan Sultan Abu Shahid, Melaka diperintah oleh kakanda tua baginda yang bernama Raja Kassim atau gelarannya Sultan Muzaffar Shah.

- Orang Melayu telah menghadapi dengan tabah segala cabaran yang menggugat ketuanannya di Tanah Melayu sejak lebih daripada 500 tahun lampau.

- Cabaran pertama adalah ketika Melaka diserang oleh angkatan **Siam** pada tahun 1447. Ketika itu, Melaka diperintah oleh Sultan Muzaffar Shah. Angkatan Siam ini dapat dikalahkan. Sebelum ini, Siam telah pernah menggugat Melaka sejak zaman pemerintahan Parameswara lagi.





*(Sumber: Mubin Sheppard, Twenty Centuries of Eventful Existence, Pelanduk Publications, 1986)*

- Pada tahun 1456, **Tun Perak** dilantik menjadi Bendahara Melaka. Beliau memegang jawatan tersebut selama 42 tahun (hingga ke tahun 1498). Beliau terkenal sebagai seorang Bendahara yang berkebolehan dan seterusnya membantu membangunkan Melaka menjadi sebuah kerajaan Melayu dan pelabuhan antarabangsa yang terkenal.

- Pada tahun 1458, **Sultan Muzaffar Shah** mangkat dan digantikan oleh putera baginda yang bernama Sultan Mansor Shah.

- Pada tahun 1477, **Sultan Alauddin Riayat Shah** menjadi Sultan Melaka menggantikan ayahanda baginda yang mangkat.



(Sumber: Sarnia Hayes Hyott, *Images of Asia: Old Malacca*. Oxford University Press, 1993)

▲ Peta kedudukan Melaka pada abad ke-15 & 16.

Kedudukan Melaka yang baik dan kekayaan sumber semula jadinya menjadikan Alam Melayu menjadi kawasan rebutan kuasa-kuasa asing.

Pada awal abad ke-16, hasil rempah telah menyebabkan Alam Melayu dikunjungi oleh pelayar dan pedagang dari Eropah. Ini adalah salah satu faktor yang mendorong mereka untuk menawan pelabuhan yang strategik di Alam Melayu, termasuklah Melaka.



*(Sumber: Sarnia Hayes Hyott, Images of Asia: Old Malacca, Oxford University Press, 1993)*

◀ Para pelayar dan pedagang dari Eropah berniaga lada hitam dan rempah lain yang sangat laris ketika itu di Eropah.

## Melaka dilawati kapal dagang Portugis pada 1509



▲ Contoh kapal Portugis

(Sumber: The New Straits Times Annual, 1976)

- Pada tahun 1488, Sultan Riayat Shah yang pintar dan adil ini mangkat kerana termakan racun. Baginda digantikan oleh **Sultan Mahmud Shah** (dengan usaha Bendahara Tun Perak dan Laksamana Hang Tuah).

- Pada tahun 1498, Bendahara Tun Perak meninggal dunia dan beliau digantikan oleh Tun Mutahir.

- Pada tahun 1509, angkatan pedagang Portugis yang diketuai oleh Diego Lopez de Sequiera tiba di Melaka.

- Pada tahun 1510, Bendahara Tun Mutahir mati dibunuh dan Sultan Mahmud Shah bersara buat sementara waktu sebagai Sultan. Anakanda baginda yang bernama **Sultan Ahmad Shah** menjadi Sultan.




(Sumber: Kamaruddin M. Said)

▲ Empayar Kesultanan Melaka pada zaman kegemilangannya.

- Melaka kemudiannya menjadi pelabuhan dan tempat berdagang yang terpenting di Alam Melayu.
- Pelabuhan Melaka menjadi terkenal di seluruh dunia.

# 2

# Dibelenggu oleh Portugis dan Belanda Selama 313 Tahun



(**Sumber:** *The News Straits Times Annual, 1976*)

Portugis ingin menguasai Pelabuhan Melaka kerana kepentingan perniagaan dan kekayaan sumber aslinya.

◀ Sambil berdagang, orang Portugis mengugut Sultan dan Kerajaan Melayu Melaka pada 1509.



(Sumber: Muzium Negara)

Pada mulanya LAKSAMANA HANG TUAH, Bendahara, dan pembesar Melayu berjaya menyelamatkan Kerajaan Melayu Melaka.

(Menurut *Hikayat Hang Tuah*)

**Pada tahun 1511, angkatan Portugis datang lagi dengan tujuan untuk menawan Pelabuhan Melaka.**

"Tidak akan Melayu hilang di dunia," kata Hang Tuah pada hari pertama Portugis menyerang Melaka kali yang kedua itu.

Tetapi, sepuluh hari kemudian ...

Kerajaan Melayu Melaka pun dikalahkan oleh angkatan Portugis yang dipimpin oleh Alfonso d'Albuquerque.




(Sumber: Sarnia Hayes Hoyt, *Images of Asia: Old Malacca*, Oxford University Press, 1993)

▲ Perahu dan bahtera pahlawan Melayu terlalu kecil untuk mempertahankan Pelabuhan Melaka. Senjata mereka tidak dapat melawan kehebatan senjata pasukan Portugis.

**Keris dan tombak, malah meriam kecil yang digunakan oleh pahlawan Melayu tidak dapat melawan senapang dan meriam Portugis.**

Menurut mitos dalam *Hikayat Hang Tuah*, ketika Portugis menyerang Melaka pada tahun 1511, Hang Tuah telah kehilangan Keris Taming Sari yang menjadikannya kebal. Hang Tuah melawan tentera Portugis tanpa keris hikmat tersebut. Beliau telah terkena tembakan meriam Portugis lalu terhumban ke dalam laut sejauh tujuh hasta. Kemudian, beliau jatuh sakit lalu menghilangkan diri. Apabila Portugis menyerang lagi, Melaka cuba dipertahankan oleh Bendahara Tepok yang menggantikan Bendahara Tun Mutahir. Akhirnya, Melaka dapat dikalahkan oleh Portugis.

Lagipun, Kerajaan Melayu Melaka ketika itu sedang mengalami **perpecahan.** Sultan Mahmud Shah telah menjatuhkan hukuman bunuh terhadap Bendahara Tun Mutahir atas tuduhan merancang untuk merampas kuasa dan menggulingkan Sultan.

Akhirnya, pada tahun 1511, **lenyaplah** Kerajaan Melayu Melaka.

Kerajaan Melayu Melaka ini wujud selama 110 tahun sahaja.



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

▲ Hang Tuah telah tiada lagi dan penggantinya tidak muncul-muncul untuk merebut kembali negeri Melaka daripada tangan Portugis.



*(Sumber: Sarnia Hayes Hyott. Images of Asia: Old Malacca, Oxford University Press, 1993)*

▲ **Kesultanan** dan Kerajaan Melayu Melaka berakhir. Istana Sultan dirobohkan oleh Portugis. Sebuah kota, **A Famosa** dibina oleh Portugis berhampiran dengan tapak istana Sultan Melaka.



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

◀ Kota Melaka atau A Famosa, dibina pada tahun 1512 dan tinggalannya masih ada hingga kini untuk dilihat oleh para pelancong di Melaka.

# PORTUGIS MENGUASAI MELAKA SELAMA 130 TAHUN

Kubu Portugis diserang bertubi-tubi oleh orang Melayu yang dipimpin oleh Sultan Mahmud Shah, Laksamana Hang Nadim (anak Hang Tuah), angkatan Johor, angkatan Acheh, angkatan Japara, Perak, dan lain-lain. Kubu tersebut begitu kebal dan tidak dapat dikalahkan.




(Sumber: Sarnia Hayes Hoyt, Images of Asia: Old Malacca, Oxford University Press, 1993)

- Pedagang Portugis juga membawa mubaligh agama Kristian ke Alam Melayu.

- St. Francis Xavier melawat Melaka selama enam kali sejak tahun 1545. Pada tahun 1553, beliau meninggal dunia di Melaka.

- Mayatnya dipindahkan ke Goa sembilan bulan setelah dikebumikan di Melaka.

- Dengan takdir Allah, orang Melayu tidak berjaya dipengaruhi oleh pendakwah Kristian ini.




*(Sumber: Sarnia Hayes Hyott, Images of Asia: Old Malacca, Oxford University Press, 1993)*

▲ Melaka pada tahun 1629.



*(Sumber: Sarnia Hayes Hyott, Images of Asia: Old Malacca, Oxford University Press, 1993)*

▲ Orang Belanda yang telah bertapak di Pulau Jawa juga ingin menguasai Melaka. Peperangan yang melibatkan kapal perang Portugis dan Belanda pun terjadi.

Belanda merampas Melaka daripada tangan Portugis pada tahun 1641 dengan bantuan **orang Melayu.**

Apabila orang Belanda menguasai Melaka, orang Melayu Johor yang membantu mereka itu diupah menggunakan harta rampasan Portugis. Orang Melayu Johor berasa **terhutang budi** pula terhadap "kebaikan hati" orang Belanda di Melaka.

**Tahap pertama dalam sejarah penghakisan dan penguasaan pemerintahan kerajaan Melayu oleh kuasa Portugis dan Belanda ini berterusan selama 313 tahun.**

# 3

# Dikuasai dan Dijajah oleh Inggeris Selama 167 Tahun

## Pulau Pinang Dikuasai oleh Inggeris pada Tahun 1786

Ketika Melaka masih lagi berada di tangan kuasa Portugis dan Belanda sejak tahun 1511, Pulau Pinang mula dikuasai oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris sejak tahun 1786. Oleh itu, pengkaji sejarah kolonial biasanya menyebut bahawa Pulau Pinang "dibuka" oleh Francis Light yang mengetuai Syarikat Hindia Timur Inggeris tersebut. Sebenarnya, Francis Light telah merampas Pulau Pinang daripada Sultan Kedah secara tipu helah dan menggunakan kekuatan ketenteraan.



(Sumber: Arkib Negara)

Thomas Stamford Raffles memilih Temasik (Singapura) sebagai pangkalan utama Inggeris di Alam Melayu. Beliau berpendapat bahawa Pulau Pinang kurang sesuai dijadikan pangkalan utama kerana kedudukannya yang agak jauh dari laluan perkapalan ke negeri China. Ketika itu, kegiatan perdagangan dengan negeri China sangatlah penting.

◀ Thomas Stamford Raffles



*(**Sumber:** Mubin Sheppard, Twenty Centuries of Eventful Existence, Pelanduk Publications, 1986)*

Dalam masa yang sama, Kerajaan Siam juga ingin supaya Kerajaan Melayu yang lain, terutamanya Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu terus tunduk kepadanya. Sesungguhnya keempat-empat negeri Melayu di utara Semenanjung ini terus berada di bawah "naungan" Siam hingga ke tahun 1909. Perjanjian Inggeris-Siam pada tahun tersebut telah memutuskan bahawa negeri-negeri Melayu tersebut diserahkan oleh Siam kepada pihak Inggeris di Tanah Melayu.

Pada tahun **17 Mac 1824**, Inggeris dan Belanda telah mengadakan satu perjanjian untuk membahagikan Kepulauan Melayu kepada dua. Melaka diserahkan oleh Belanda kepada Inggeris. Bangkahulu diserahkan oleh Inggeris kepada Belanda. Kerajaan Johor-Riau terbahagi dua; Johor dikuasai oleh Inggeris dan Riau-Lingga dikuasai oleh Belanda. Dengan itu, tamatlah riwayat Kerajaan Johor-Riau. Perjanjian inilah yang kemudiannya membawa kepada kelahiran Hindia Timur Belanda (Indonesia) dan Tanah Melayu Inggeris (British Malaya).

## Sejak Inggeris berkuasa di Pulau Pinang dan Melaka:

- Kisah tentang Tanah Melayu yang kaya dengan bijih timah telah terkenal di seluruh dunia.
- Begitu juga dengan kisah mengenai tanah dan iklimnya yang sesuai untuk penanaman getah.
- **Bijih timah** di Tanah Melayu menjadi rebutan. Dalam perebutan ini, penglibatan orang Melayu dalam kegiatan perlombongan telah tersekat dan terpinggir.
- Di negeri Perak, **Long Jaafar** dan **Ngah Ibrahim**, pembesar Melayu yang telah sekian lama menjalankan usaha melombong bijih timah telah terpinggir.
- Malah, perebutan kawasan perlombongan ini telah mencetuskan pergaduhan yang sengit.



*(Sumber: Mubin Sheppard, Twenty Centuries of Eventful Existence, Pelanduk Publications, 1986)*

▲ Pergaduhan merebut kawasan perlombongan ini dijadikan alasan oleh Inggeris untuk menjajah Tanah Melayu.

- Pada tahun 1874, Inggeris memang mencari alasan untuk menguasai secara langsung negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang.

- **Perjanjian Pangkor 1874** antara Inggeris dengan Sultan Perak memulakan penjajahan Inggeris **secara langsung** ke atas negeri-negeri Melayu: Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang.



(Sumber: Mubin Sheppard, *Twenty Centuries of Eventful Existence*, Pelanduk Publications, 1986)

▲ Pada masa pergaduhan merebutkan kawasan perlombongan, Yap Ah Loy membantu Tengku Kudin, seorang pembesar Melayu di Selangor.



(Sumber: Arkib Negara)

- Apabila Tengku Kudin memenangi pergaduhan ini, Yap Ah Loy telah dilantik menjadi Kapitan Cina di Kuala Lumpur.

- Ramai juga pengkaji sejarah yang menyatakan bahawa Yap Ah Loy ialah orang yang "membuka" Kuala Lumpur. Sebenarnya, sebelum kedatangan Yap Ah Loy, orang Melayu telah lama tinggal di kawasan Kuala Lumpur.




*(Sumber: Mubin Sheppard, Twenty Centuries of Eventful Existence, Pelanduk Publications, 1986)*

▲ Kemudian, Yap Ah Loy telah dilantik menjadi anggota Majlis Pentadbiran Negeri Selangor.



(Sumber: Mubin Sheppard, *Twenty Centuries of Eventful Existence*, Pelandok Publications, 1986)

▲ Frank Swettenham, Pegawai Kolonial yang lama berkhidmat di Negeri Selangor.

- Setelah Perjanjian Pangkor ditandatangani pada 1874, negeri-negeri Perak, Selangor, Pahang, dan Negeri Sembilan terpaksa menerima kehadiran Residen Inggeris sebagai pihak yang berkuasa penjajah.

- Frank Swettenham berkhidmat begitu lama di Tanah Melayu British. Akhirnya, beliau dilantik menjadi Residen General British yang pertama di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Selangor, Perak, Pahang, dan Negeri Sembilan).



(Sumber: Mubin Sheppard, *Twenty Centuries of Eventful Existence* Pelanduk Publications, 1986)

▲ Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Samad Ibni Raja Abdullah, Sultan Selangor, 1857 – 1898.

Kuasa Raja-raja Melayu telah dirampas oleh kuasa kolonial. Raja-raja Melayu hanya berkuasa dalam bidang pentadbiran agama Islam dan adat istiadat Melayu sahaja.



*(Sumber: Mubin Sheppard, Twenty Centuries of Eventful Existence, Pelanduk Publications, 1986)*

Ketika itu, sebahagian pendatang Cina mendapat tempat yang istimewa dalam pentadbiran negeri Melayu dan mempunyai kedudukan ekonomi yang cukup baik.



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Yap Ah Shak
Kapitan Cina, 1885 – 1889



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Yap Kwan Seng
Kapitan Cina, 1889 – 1901

Kapitan Cina mendapat kedudukan penting dalam pentadbiran di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Penjajahan Inggeris menyebabkan orang Melayu tidak lagi berkuasa memerintah negerinya sendiri selama 83 tahun. Dalam tempoh tersebut, suara Melayu dalam kerajaan kolonial hampir tidak kedengaran. Keanggotaan orang Melayu dalam Majlis Pentadbiran kolonial memang diperkecilkan.

# Keterlibatan Orang Melayu dalam Kegiatan Perlombongan Bijih Timah Disekat Sepenuhnya

Di negeri Perak, kegiatan perlombongan bijih timah oleh Long Jaafar dan Ngah Ibrahim telah disekat. Sejak itu, orang Melayu tidak lagi terlibat secara aktif dalam kegiatan melombong bijih timah di Tanah Melayu.

## Penjajahan Inggeris Berlangsung Menerusi Sistem Residen

- Di bawah sistem Residen, kewujudan Raja dan Sultan Melayu dikekalkan, tetapi mereka tidak diberikan sebarang kuasa. Negeri-negeri Melayu Bersekutu ditadbir sepenuhnya oleh Pegawai British yang bergelar Residen. Penguatkuasaan sistem Residen ini memulakan Penjajahan Inggeris secara langsung terhadap negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang.

- Pulau Pinang dan Melaka telah dikuasai oleh Inggeris terlebih dahulu.

- Ketika itu negeri Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu ialah negeri-negeri yang bernaung di bawah pemerintahan Raja Siam.



(Sumber: Arkib Negara)

▲ J.W.W. Birch, Residen Inggeris yang pertama di Perak telah mati dibunuh oleh Pembesar Melayu pada November 1875 di Pasir Salak, Perak.

Apabila sistem Residen dikuatkuasakan, terdapat orang Melayu yang mula marah kepada Inggeris. Mereka ialah para pembesar Melayu yang telah kehilangan sumber pendapatan kerana kesemua kegiatan ekonomi yang menguntungkan telah diambil alih oleh pihak Inggeris. Lebih-lebih lagi apabila mereka juga berhadapan dengan Pegawai Kolonial yang sangat angkuh dan memandang terlalu rendah terhadap orang Melayu.

Pembunuhan Birch telah mengubah sikap Inggeris terhadap orang Melayu di Tanah Melayu. Mereka menyedari bahawa orang Melayu juga mempunyai potensi untuk menentang kuasa mereka secara kekerasan.

**Ketika itu memang terdapat orang Melayu yang menentang penjajahan Inggeris.**

Datuk Maharaja Lela
Datuk Bahaman
Tok Gajah Imam Rasu
Mat Kilau
Raja Mahadi
Tok Janggut
Dol Said
Datuk Siamang Gagap
Haji Abdul Rahman Limbong



(Sumber: Arkib Negara)

◀ **Orang Kaya Datuk Bahaman**
Orang Kaya Datuk Bahaman menjalankan kegiatan menentang Inggeris di Pahang.



*(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 1982)*

◀ **Pahlawan Mat Kilau**
Pahlawan Mat Kilau juga menjalankan kegiatan menentang Inggeris di Pahang.



(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 1982)

◀ **Datuk Siamang Gagap**
Datuk Siamang Gagap menjalankan kegiatan menentang Inggeris di Negeri Sembilan.



(Sumber: Arkib Negara)

◀ Durbar atau Persidangan Raja-raja Melayu telah diadakan pertama kalinya pada 13 Julai 1897. Persidangan yang menjadi tradisi ini penting kepada survival Raja-raja dan orang Melayu selanjutnya.

Pada tahun 1897, dengan tujuan untuk meredakan kemarahan Raja-raja Melayu terhadap pihak berkuasa penjajah, maka pihak kerajaan kolonial Inggeris telah mengadakan Persidangan Raja-raja Melayu atau Durbar, buat pertama kalinya sejak Inggeris berkuasa di Tanah Melayu. Menerusi persidangan ini, Pegawai-pegawai Kolonial Inggeris cuba berkenalan dan berbaik-baik dengan Raja-raja Melayu.

## Orang Melayu Diketepikan dan Tercicir

- Pada penghujung abad kesembilan belas ini, keterlibatan orang Melayu dalam kegiatan perlombongan bijih timah disekat sepenuhnya. Ini termasuklah kegiatan Ngah Ibrahim dan Long Jaafar di Perak. Oleh itu, dalam perkembangan perusahaan perlombongan bijih timah yang sangat menguntungkan itu, orang Melayu boleh dikatakan telah diketepikan. Pengusaha Inggeris dan Cina telah memonopoli perusahaan ini.

- Pada penghujung abad ke-19 itu, pengiktirafan yang diberikan Inggeris terhadap kewujudan Raja-raja Melayu tidaklah membantu meningkatkan taraf hidup rakyat Melayu di negerinya sendiri. Dalam segala bidang, orang Melayu diketepikan dan tercicir.

- Selanjutnya, dalam bidang pendidikan, dasar Inggeris ialah hanya untuk memberikan pelajaran membaca, menulis dan mengira kepada anak-anak Melayu supaya mereka boleh menjadi petani dan nelayan yang lebih baik sedikit daripada ibu dan bapa mereka.


(Sumber: Arkib Negara)

Sejak awal abad kedua puluh, bandar dan pekan Cina lahir satu persatu di Tanah Melayu. Orang Cina mempunyai modal untuk membangunkan bandar dan pekan hasil daripada keuntungan dalam perusahaan perlombongan timah, perladangan getah, perniagaan borong, dan perniagaan runcit. Orang Melayu yang menjadi petani, nelayan, dan pekerja desa tidak terlibat dalam proses pembandaran ini.

Pada awal abad kedua puluh, telah muncul wartawan Melayu generasi pertama yang menyemaikan semangat kebangsaan Melayu menerusi bidang persuratkhabaran:

**Syed Sheikh Al-Hadi**
**Sheikh Tahir Jalaluddin Al-Falaki**
**Sheikh Muhammad Salim Al-Kalali**
**Sheikh Awad bin Saidin**
**Haji Abbas bin Taha**

**Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) ditubuhkan di Tanjung Malim, Perak, pada tahun 1922. SITC memainkan peranan besar dalam penyebaran semangat kebangsaan Melayu.**

Selama 14 tahun, ketika SITC dipimpin oleh Pengetuanya yang bernama O.T. Dussek, maktab tersebut menjadi salah satu tempat tumbuh dan berkembangnya semangat kebangsaan Melayu. Guru-guru Melayu lulusan SITC, yang sebahagian besarnya bertugas di sekolah Melayu desa, memainkan peranan penting dalam memperkembangkan semangat kebangsaan di kalangan masyarakat Melayu dan dalam pergerakan politik untuk mencapai kemerdekaan.



(Sumber: Arkib Negara)

Pada 1938, novel karya **Ishak Haji Muhammad** (Pak Sako) yang bertajuk *Putera Gunung Tahan* telah diterbitkan. Menerusi novel ini, buat kali pertamanya orang Melayu berani menyindir dan mempersendakan kuasa Inggeris di Tanah Melayu. Pak Sako ialah seorang nasionalis, penulis, dan wartawan Melayu yang banyak memberikan inspirasi kepada orang Melayu supaya berani menentang penjajahan. Selain bekerja dengan akhbar *Warta Malaya*, Pak Sako telah membantu usaha menubuhkan akhbar *Utusan Melayu*, dan kemudian, turut bekerja dengan akhbar ini.

Ketika penjajah Inggeris sedang berkuasa, komposisi penduduk Tanah Melayu berubah-ubah mengikut masa. Ada kalanya, ketika pengusaha ladang getah dan lombong bijih timah Inggeris memerlukan tenaga buruh yang ramai, buruh dari negara China dan India dibawa masuk tanpa batasan. Hal ini, pada tahun 1938 misalnya, telah menjadikan orang Melayu sebagai kumpulan minoriti di negaranya sendiri.

**Bilangan Penduduk Tanah Melayu pada 1938**

| Bangsa | Jumlah | Peratus |
|---|---|---|
| Melayu | 680 000 | 33% |
| Cina | 911 000 | 44% |
| India | 466 000 | 23% |
| JUMLAH | 2 057 000 | 100% |

Pada 29 Mei 1939, akhbar ***Utusan Melayu*** mula diterbitkan di Singapura dengan tujuan "untuk berkhidmat kepada bangsa, agama, dan watan (Melayu)".

# 4

# Dikuasai oleh Jepun Selama Tiga Setengah Tahun

**1941:** Perang Dunia Kedua meletus dan **Jepun** pula ingin menguasai Tanah Melayu.

- Pada 8 Disember 1941, tentera Jepun mula menyerang Tanah Melayu.
- Pada 15 Februari 1942, seluruh Tanah Melayu dapat dikuasai oleh tentera Jepun.

## Jepun Menguasai Tanah Melayu Selama 3 1/2 Tahun (15 Februari 1942 – 13 September 1945)

Ketika berkuasa di Tanah Melayu, tentera Jepun sentiasa bersikap ganas. Ketika itu, ramai anak muda Melayu yang dihantar secara paksa ke Burma untuk bekerja membina landasan kereta api. Ramai daripada mereka mati akibat keganasan tentera Jepun dan kerana serangan penyakit.



(Sumber: Arkib Negara)

Pihak pemerintah tentera Jepun di Tanah Melayu cuba mendapatkan sokongan orang Melayu dengan melancarkan kempen menentang penjajahan Barat. Mereka juga berkempen dengan memperalatkan agama Islam. Contohnya ialah poster propaganda Jepun yang berbunyi "Allahuakhbar, peliharalah kami oleh tentera Jepun daripada penjajahan Barat." Kononnya, kata-kata ini datangnya daripada orang Melayu.



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Tentera Jepun akhirnya terpaksa menyerah kalah setelah negaranya diserang menggunakan bom atom oleh Amerika Syarikat.



*(Sumber: Arkib Negara)*

◀ Tentera Jepun menyerah kalah.

# 5

# Ancaman Tentera Bintang Tiga

## Tentera Bintang Tiga

Ketika Jepun mengaku kalah, orang Melayu belum lagi sempat menyusun langkah untuk menguasai Tanah Melayu. Kekosongan kuasa pemerintah ini telah memberi peluang kepada Tentera Bintang Tiga, iaitu bekas anggota pertubuhan Penduduk Malaya Anti Tentera Jepun (*Malayan People's Anti-Japanese Army* – MPAJA) untuk mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu.


(Sumber: Arkib Negara)

Mulai 13 September 1945, selama dua minggu, kuasa pemerintahan boleh dikatakan telah dirampas oleh **Tentera Bintang Tiga** atau **MPAJA** (*Malayan People's Anti-Japanese Army*) yang dianggotai oleh orang Cina. Ketika itu, ramai orang, terutamanya Melayu yang dituduh bekerjsama dengan pemerintahan tentera Jepun telah ditangkap dan dikenakan hukuman bunuh oleh Tentera Bintang Tiga. Lebih daripada 2 500 orang telah terkorban ketika Tentera Bintang Tiga berkuasa.





(Sumber: Arkib Negara)

▲ Tentera Bintang Tiga berkuasa kerana mereka mewarisi senjata yang dibekalkan oleh pihak tentera Inggeris untuk digunakan menentang tentera Jepun.



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Anggota Tentera Bintang Tiga yang berkuasa selama dua minggu pada penghujung September 1945. Tentera Bintang Tiga ini mempunyai anggota kira-kira 7 000 orang.



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Tetapi, ancaman Tentera Bintang Tiga ini dapat diimbangi oleh tentera **Force 136** yang dianggotai oleh orang Melayu.



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Force 136 Melayu bergambar dengan seorang pegawai tentera Inggeris. Di Batu Pahat dan Muar, Johor, orang Melayu menyambut kehadiran Tentera Bintang Tiga (Parti Komunis Malaya) dengan menubuhkan pasukan parang panjang yang dipimpin oleh Kiyai Salleh.

Te
pe

Tetapi, Inggeris datang kembali untuk berkuasa dan meneruskan penjajahannya di Tanah Melayu pada penghujung September 1945.

6

# Orang Melayu Menentang Malayan Union



(Sumber: Arkib Negara)

- Selepas tentera Jepun menyerah kalah, kerajaan British menghantar Sir Harold MacMichael ke Tanah Melayu untuk memulakan proses penubuhan Malayan Union. Beliau juga ditugaskan untuk mendapatkan persetujuan Raja-raja Melayu.

- Secara tipu-helah dan senyap-senyap, Harold MacMichael berjaya mendapatkan persetujuan serta tandatangan Raja-raja Melayu bagi penubuhan Malayan Union.

◀ Harold MacMichael



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Sir Edward Gent dilantik menjadi Gabenor Malayan Union yang pertama.

Malayan Union ditubuhkan secara rasmi pada 1 April 1946.

## Penubuhan Malayan Union Berbahaya kepada Kedudukan orang Melayu

- Di bawah Malayan Union, orang asing boleh diberikan taraf kerakyatan Malayan berdasarkan prinsip *jus soli* (boleh menjadi rakyat Malaya jika mereka lahir di Tanah Melayu sebelum Malayan Union ditubuhkan).
- Akibatnya, bilangan rakyat Melayu lebih kecil berbanding bilangan rakyat bukan Melayu.
- Di bawah Malayan Union, orang **Melayu** juga diberikan taraf **Malayan**, sama seperti orang Cina dan India.
- Di bawah Malayan Union, sedikit kuasa yang masih ada di tangan Raja-raja Melayu akan hilang kesemuanya (diambil alih oleh Gabenor Inggeris).

## Malayan Union Ditentang oleh Orang Melayu kerana Malayan Union Jelas Bertujuan Menyisih dan Menghapuskan Hak Orang Melayu dari Tanah Melayu

- Pada hari dan masa yang sama dengan majlis perlantikan Gabenor Malayan Union itu, orang Melayu telah mengadakan Kongres Melayu yang dipimpin oleh Dato' Onn, di Kuala Lumpur.

- Kongres Melayu ini diadakan bertujuan untuk menentang penubuhan Malayan Union.

## Majlis Pelantikan Gabenor Malayan Union Tersebut telah Dipulaukan oleh Raja-raja dan Pembesar Melayu atas Permintaan Rakyat Melayu yang Diketuai oleh Dato' Onn

"*Sekiranya Tuanku sekalian turut menghadiri akan upacara melantik Gabenor Malayan Union itu, rakyat Tuanku sekalian tidak akan mengakui Tuanku sekalian sebagai Raja lagi. Rakyat Melayu telah menganggap bahawa menghadiri majlis melantik Gabenor Malayan Union itu samalah seperti turut serta mengusung jenazah bangsa Melayu sendiri,*" kata Dato' Onn Jaafar kepada Raja-raja Melayu pada 1 April 1946.

- Penubuhan Malayan Union disokong oleh ramai orang Cina di Tanah Melayu. Hal ini adalah kerana undang-undang Malayan Union memberikan hak kepada mereka untuk menjadi rakyat Tanah Melayu berdasarkan prinsip *jus soli.*

- Gagasan dan undang-undang Malayan Union yang memusuhi Melayu ini telah menyedarkan orang Melayu akan nasib masa depannya yang gelap. Peristiwa ini telah membantu menyatukan orang Melayu buat pertama kalinya sejak kejatuhan kerajaan Melayu Melaka 435 tahun dahulu.

# 7

# Penubuhan UMNO



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Pada 1 Mac 1946, Hari Perpaduan Melayu telah diadakan di Kelab Suleiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Mereka melaungkan "Hidup Melayu."




(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 198

▲ Orang Melayu mengadakan perhimpunan menentang penubuhan Malayan Union di seluruh Tanah Melayu.

- Pada 1945 beberapa pemimpin Melayu beraliran kiri telah menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Antara mereka yang bergiat cergas dalam PKMM ini ialah Mokhtaruddin Laso, Arshad Ashaari, Rashid Maidin, Abdullah C.D., Musa Ahmad, Baharuddin Latif, Shamsuddin Salleh, Dahari Ali, Dr. Burhanuddin al-Helmi, Ahmad Boestamam, Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako), Aishah Ghani, dan beberapa orang lagi.

- Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) ditubuhkan, pada mulanya berada di bawah PKMM, tetapi kemudiannya menjadi pertubuhan beraliran kiri yang tersendiri.

- Pada 22 Februari 1947, PKMM, API, dan AWAS bergabung dan menubuhkan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA).

- Pada 1947 juga, PUTERA telah bergabung dengan *All Malayan Council of Joint Action* (AMCJA) pimpinan Tan Cheng Lock dan dianggotai oleh orang-orang Cina dan India. Gabungan ini dipimpin oleh Dr. Burhanuddin al-Helmi.

- Gabungan PUTERA-AMCJA ini ditubuhkan untuk memberikan cadangan balas terhadap penubuhan Malayan Union. Di samping itu, gabungan ini juga menentang idea penubuhan Persekutuan Tanah Melayu sebagai ganti Malayan Union.



(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 1982)

◀ Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union diketuai oleh Dato' Onn Jaafar, Menteri Besar Johor ketika itu.

lap
Onn
u.



(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 1982)

▲ Orang Melayu membantah penubuhan Malayan Union di Johor pada 1946.



Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 198

▲ Orang Melayu bersatu padu menentang penubuhan Malayan Union.



*Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris: 25 Tahun Merdeka. (Pustaka Budiman, 1982)*

▲ Dato' Onn muncul sebagai wira Melayu.



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Satu perhimpunan pertubuhan-pertubuhan Melayu telah diadakan di Istana Besar, Johor Bahru sebagai kemuncak kepada kegiatan menentang penubuhan Malayan Union. Perhimpunan yang diadakan pada 11 Mei 1946 ini telah membawa kepada penubuhan UMNO.

## Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) atau UMNO ditubuhkan untuk memperjuangkan kepentingan orang Melayu pada 11 Mei, 1946

▲ Lambang UMNO

Malayan Union wujud selama tiga bulan sahaja (1 April 1946 – 1 Julai 1946) akibat penentangan yang sangat kuat daripada orang Melayu, UMNO, dan Raja-raja Melayu.



(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman 1982)

Pada November 1946, satu Jawatankuasa Kerja ditubuhkan untuk menggubal Perlembagaan ke arah Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu yang dicadangkan oleh UMNO.

◀ Sir Edward Gent menjadi Gabenor Malayan Union yang pertama dan terakhir.



▲ Se
di



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Sejak November 1946, penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (1948) telah mula dibincangkan, melibatkan Raja-raja Melayu, pemimpin UMNO, dan pegawai-pegawai Inggeris.



*(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka*
*Pustaka Budiman, 198*

▲ Orang Melayu turut terlibat dalam penggubalan Perlembagaan Persekutuan yang dipimpin oleh Dato' Onn.




(Sumber: Arkib Negara)

Ketika itu, perjuangan menentang Malayan Union dilakukan sambil membangkitkan semangat untuk membaiki nasib dan masa depan orang Melayu dalam segala bidang. Hal ini memperlihatkan bahawa UMNO mempunyai pendekatan yang menyeluruh dalam kegiatan politiknya.




*(Sumber: Arkib Negara)*

- Selepas berjaya menumbangkan sistem Malayan Union, UMNO telah dipandang sebagai sebuah pertubuhan politik Melayu yang mempunyai wawasan serta strategi bertindak yang berkesan.

- Harapan bagi menyelamatkan orang Melayu daripada terpinggir di tanah airnya sendiri kini terletak di atas bahu UMNO.



(Sumber: Arkib Negara)

## Oktober 1947: UMNO memperjelaskan matlamat perjuangan politiknya.

UMNO melaungkan:
- Hidup Melayu
- Bersatu Padu
- Selamatkan Sultan

UMNO bertekad untuk:
- Teguhkan politik Melayu
- Teguhkan ekonomi Melayu
- Tingkatkan pendidikan Melayu
- Perkuatkan kedudukan agama Islam

## Pada tahun 1947:

- Rancangan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu ditentang oleh orang Cina menerusi AMCJA (*All Malayan Council of Joint Action*) pimpinan Tan Cheng Lock.

- Pertubuhan Melayu yang bernama PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat) pimpinan Dr. Burhanuddin Helmi menentang Perlembagaan Persekutuan yang siap digubal.

- AMCJA dan PUTERA bekerjasama menentang penubuhan Persekutuan Tanah Melayu. Mereka mengemukakan satu perlembagaan yang dinamakan Perlembagaan Rakyat.

- Pihak Inggeris menolak Perlembagaan Rakyat ini.




(Sumber: Arkib Negara)

## Terdapat juga orang Melayu yang tidak menyertai perjuangan menghidupkan kepimpinan Melayu

◀ Menurut pojok dalam akhbar Majlis ini, orang Melayu yang menentang pembentukan ketuanan Melayu ini dijadikan "umpan" oleh golongan "pedagang" bukan Melayu.




(Sumber: Arkib Negara)

◀ Majoriti orang Melayu ketika itu menyokong perjuangan PEKEMBAR/UMNO untuk kepentingan masa depan Melayu.




(Sumber: Arkib Negara)

Cabaran yang dihadapi oleh Dato' Onn begitu besar. Ketika itu, selain berjuang dalam bidang politik, UMNO juga dituntut untuk berjuang dalam bidang ekonomi. Orang Melayu menaruh harapan agar UMNO dapat membaiki kedudukan ekonomi mereka.




(Sumber: Arkib Negara)

▲ Pada awal 1948, UMNO telah diminta menyediakan rancangan ekonominya untuk orang Melayu.




(Sumber: Arkib Negara)

Ketika menentang Malayan Union, Raja-raja Melayu berganding tenaga dengan rakyat lalu melahirkan slogan: Raja itu Rakyat, dan Rakyat itu Raja!




(Sumber: Arkib Negara)

◀ UMNO dengan slogan "Hidup Melayu" mengalu-alukan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.




(Sumber: Arkib Negara)

◀ Oleh sebab menentang penubuhan Persekutuan Tanah Melayu, orang Cina, di Pulau Pinang, menerusi AMCJA, bertindak melancarkan "hartal", iaitu mogok berniaga.

## Pada 1 Februari 1948, Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan dan Perlembagaan Persekutuan dikuatkuasakan.

Perlembagaan Persekutuan memberikan pengiktirafan kepada "Hak Istimewa Orang Melayu" dan menyukarkan sedikit pendatang asing menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu (Jika lahir di Tanah Melayu, boleh memohon setelah bermastautin selama 8 tahun. Jika tidak, perlu bermastautin selama 15 tahun).




*(Sumber: Arkib Negara)*

▲ Pada April 1948, orang Melayu ditanya, "Lu mau bikin lumah Gulayu ka?"

Orang Melayu ditertawakan. Perjuangan UMNO ialah bahawa "Atas keruntuhan Malayan inilah didirikan Persekutuan Tanah Melayu".




(Sumber: Arkib Negara)

◀ Mei 1948: Orang Melayu diseru berlindung di bawah payung UMNO, memandangkan ancaman politik kaum pendatang sangat kuat. Parti Komunis Malaya merupakan ancaman besar kepada orang Melayu.

# 8

# Ancaman Parti Komunis Malaya

Jun 1948: Berikutan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu, dengan serta merta Parti Komunis Malaya yang didominasi oleh orang Cina melancarkan penentangan bersenjata terhadap kerajaan kolonial Persekutuan Tanah Melayu.

**Kerajaan kolonial Inggeris, Persekutuan Tanah Melayu, bertindak balas dengan menguatkuasakan Undang-undang Darurat pada Jun 1948.**




(Sumber: Arkib Negara)

◀ Julai 1948: "Melayu jangan takut untuk bersatu padu." kata Dato' Onn.




(Sumber: Arkib Negara)

◀ Ketika Undang-undang Darurat dikuatkuasakan, orang Melayu meminta bekalan senjata daripada kerajaan kolonial Inggeris.



اوتوسن زمان

«مرديكا دالم امنو؟»

(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 1982)

Sejak 1950, orang Melayu bersiap sedia untuk memperjuangkan kemerdekaan bersama UMNO. Slogan "Hidup Melayu" bertukar kepada "Merdeka".

## 1950: Serangan Parti Komunis Malaya terhadap Balai Polis Bukit Kepong

- Pada 23 Februari 1950, seramai 250 orang tentera Parti Komunis Malaya (yang diketuai oleh Mat Indra) menyerang Balai Polis Bukit Kepong, di hulu Muar.

- Mereka membunuh kesemua pegawai polis Melayu yang bertugas, isteri, dan anak-anak mereka. Beberapa orang awam juga turut terbunuh. Kesemua yang mati ialah 25 orang (19 anggota polis, 2 isteri polis, dan 2 anak keluarga polis). Empat orang anggota polis yang terselamat mengalami cedera parah.

- Anggota polis dibantu oleh Penghulu Ali dan anak-anak buahnya serta kesemua isteri anggota polis tersebut.




(Sumber: Arkib Negara)

▲ Penghulu Ali dan para pegawai polis Bukit Kepong sebelum serangan terjadi.



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Balai Polis Bukit Kepong yang dibina semula.



*(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 1982)*

▲ Pada Ogos 1951, UMNO dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman Putra, menggantikan Dato' Onn yang meletakkan jawatannya.

Sementara itu, orang Melayu terpaksa mengangkat senjata menentang ancaman Parti Komunis Malaya.



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Lelaki Melayu di seluruh kampung mula belajar menggunakan senjata (senapang patah).



*(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 1982)*

▲ Begitu juga dengan kaum wanita Melayu, tidak gentar menghadapi ancaman pengganas Parti Komunis Malaya.




(Sumber: Arkib Negara)

◀ Pada 1954, UMNO mula melaungkan slogan MERDEKA di khalayak ramai!



*(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 1982)*

Pada tahun 1955, Parti Perikatan ditubuhkan dengan gabungan UMNO, MCA, dan MIC. Tunku Abdul Rahman, pemimpin UMNO, percaya bahawa penubuhan Perikatan akan membantu perundingan untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. UMNO telah menemui kumpulan orang Cina dan India yang sanggup menyokong dan bekerjasama dengannya. Ini memulakan sejarah kerjasama UMNO, MCA, dan MIC.

- Pada tahun 1955, Pilihanraya Persekutuan telah diadakan untuk merebut 52 kerusi yang dipertandingkan. Lima buah parti politik telah bertanding (Perikatan, PAS, Parti Negara, Parti Buruh, dan Parti Progresif Rakyat). Parti Perikatan memenangi 51 kerusi dan 1 kerusi dimenangi oleh PAS (di Kerian, Perak).

- Parti Perikatan membentuk kerajaan Persekutuan Tanah Melayu (sebelum merdeka) dan Tunku Abdul Rahman telah dilantik menjadi Ketua Menterinya.



(Sumber: Jabatan Penerangan)

- Pada 28 Disember 1955, Parti Komunis Malaya mengadakan perundingan dengan pemimpin parti-parti politik tempatan yang diketuai oleh Tunku.



(Sumber: Jabatan Penerangan)

- Parti Komunis Malaya enggan meletakkan senjata lalu meneruskan gerakan mereka untuk merampas pemerintahan Tanah Melayu secara kekerasan.

## Pada tahun 1947:

- Rancangan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu ditentang oleh orang Cina menerusi AMCJA (*All Malayan Council of Joint Action*) pimpinan Tan Cheng Lock.

- Pertubuhan Melayu yang bernama PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat) pimpinan Dr. Burhanuddin Helmi menentang Perlembangaan Persekutuan yang siap digubal.

- AMCJA dan PUTERA bekerjasama menentang penubuhan Persekutuan Tanah Melayu. Mereka mengemukakan satu perlembagaan yang dinamakan Perlembagaan Rakyat.

- Pihak Inggeris menolak Perlembagaan Rakyat ini.

# 9

# Merdeka Setelah Terbelenggu Selama 446 Tahun

- Sejak tahun 1955, para pemimpin UMNO, MCA, dan MIC bersedia bekerjasama untuk merundingkan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

- Ketiga-tiga parti politik ini bersetuju untuk bekerjasama merundingkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dengan pihak kerajaan Inggeris di London.

**Rombongan merundingkan Kemerdekaan Tanah Melayu ke London pada tahun 1956.**



(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, *25 Tahun Merdeka*, Pustaka Budiman, 1982)

▲ Dari kiri: Dato' Nik Ahmad Kamil, Dr. Ismail, Dato' Panglima Bukit Gantang, Tunku, Datuk Muhammad Seth, Kolonel H.S.Lee, Datuk Aziz Majid dan Dato' Abdul Razak.
Di belakang: T.H. Tan dan Abdul Kadir Shamsuddin



(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris. 25 Tahun Merdeka. Pustaka Budiman, 1982)

▲ Sebahagian yang terlibat dalam perundingan merdeka telah pun berada di London.



*(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 1982)*

▲ Kolonel H.S. Lee (kiri) yang mewakili MCA bergambar dengan Tunku dan Dato' (Tun) Abdul Razak.



*(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 1982)*

▲ **Pada 8** Februari 1956, menerusi Perjanjian London, kerajaan Inggeris bersetuju memberikan kemerdekaan **kepada** Persekutuan Tanah Melayu.



(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 1982)

▲ Rombongan perunding kemerdekaan pulang dari London pada 20 Februari 1956. Sambutan diadakan di Bandar Hilir, Melaka, iaitu tempat pertama yang ditawan kuasa asing pada tahun 1511.



(Sumber: Arkib Negara)

▲Rombongan merdeka melintasi kota A Famosa binaan Portugis.



(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 1982)

▲ Pemuda UMNO mengiringi rombongan merdeka di Bandar Hilir, Melaka.



*(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 1982)*

▲ Orang Melayu bersyukur kerana akan mendapat kembali negaranya yang telah "hilang" sejak sekian lama.



*(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 1982)*

▲ 50 000 orang mendengar berita tarikh kemerdekaan Tanah Melayu di padang Bandar Hilir, Melaka.



(Sumber: Arkib Negara)

▲Tarikh kemerdekaan Tanah Melayu diumumkan oleh Tunku Abdul Rahman.



*(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 1982)*

▶ Leong Yew Koh, salah seorang pemimpin MCA, turut memakai songkok, pada perhimpunan mengisytiharkan tarikh kemerdekaan persekutuan Tanah Melayu.



*(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 1982)*

Pada tahun 1956 itu juga, Suruhanjaya Reid dibentuk untuk menggubal Perlembagaan baru bagi Persekutuan Tanah Melayu yang akan merdeka.




(Sumber: Arkib Negara)

▲ Ketika itu, semangat menyambut merdeka berkobar-kobar di kalangan orang Melayu, termasuklah pasukan Polis Khas Melayu.

**Akhirnya, tibalah masa bendera kuasa penjajah Inggeris, Union Jack, diturunkan.**



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Pada jam 12.00 tengah malam, 30 Ogos 1957, bendera kuasa penjajah Inggeris diturunkan!



(Sumber: Arkib Negara)

Bendera sebuah negara yang merdeka pun dikibarkan.

◀ Kini, bendera ini diberi nama Jalur Gemilang.

Pada detik 12.00 tengah malam, 31 Ogos 1957, telah lahirlah Persekutuan Tanah Melayu sebagai sebuah negara yang **merdeka**.

**Orang Melayu menunggu ketibaan detik kemerdekaannya selama 446 tahun.**



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Stadium Merdeka yang berharga RM2.5 juta itu baru sahaja siap dibina dan dirasmikan sehari sebelum negara menyambut kemerdekaannya.



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Majlis Pemasyhuran Kemerdekaan turut dihadiri oleh Raja-raja Melayu.


ڤمشهوران کمرديکاٴن

(Sumber: Arkib Negara)

▲ Watikah Pemasyhuran Kemerdekaan.



(Sumber: Arkib Negara)

MERDEKA!

MERDEKA!

MERDEKA!

MERDEKA!

MERDEKA!

MERDEKA!

MERDEKA!



(Sumber: Arkib Negara)

◀ Sejam selepas Pemasyhuran Kemerdekaan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang pertama serta Timbalan Yang di-Pertuan Agong pun mengangkat sumpah memegang jawatan tersebut.



*(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 1982)*

▲ Tunku dikenali sebagai Bapa Kemerdekaan

Tunku Abdul Rahman – Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu pertama.

1957 – 1970




(Sumber: Arkib Negara)

▲ Sejarah perjuangan mencapai kemerdekaan diabadikan di Muzium Melaka.



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Kabinet pertama 1957 bergambar dengan Yang di-Pertuan Agong pertama.

## Kabinet Pertama Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, 1957

| | |
|---|---|
| Tunku Abdul Rahman Putra | – Perdana Menteri |
| Tun Abdul Razak | – Timbalan Perdana Menteri |
| Kolonel H.S. Lee | – Menteri Pengangkutan |
| V.T. Sambanthan | – Menteri Buruh |
| Abdul Aziz Ishak | – Menteri Tanaman, Kehutanan, dan Perikanan |
| Sulaiman Dato' Abdul Rahman | – Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan |
| Sardon Jubir | – Menteri Kerja Raya |
| Abdul Rahman Talib | – Penolong Menteri Kesihatan |
| Muhammad Khir Johari | – Penolong Menteri Tanaman, Kehutanan dan Perikanan |
| Ong Yoke Lin | – Menteri Perhubungan Pos dan Telekon |
| Dr. Ismail Dato' Abdul Rahman | – Menteri Hasil Bumi |
| Leong Yew Koh | – Menteri Kesihatan |
| Bahaman Shamsuddin | – Penolong Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri |
| Too Joon Hing | – Penolong Menteri Pelajaran |
| Khalid Awang Osman | – Penolong Menteri Buruh |



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

◀ Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen.



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Pada 1962, Singapura bersetuju menganggotai Malaysia. Tunku dan Lee Kuan Yew diraikan setelah persetujuan penubuhan Malaysia tercapai.

Pada 16 September 1963, Persekutuan Malaysia ditubuhkan dengan gabungan Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Sabah, dan Sarawak. Persetujuan rakyat Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia didapati menerusi pungutan suara yang dijalankan oleh Suruhanjaya Cobbold.




(Sumber: Arkib Negara)

Tuntutan Lee Kuan Yew pada 1964 bahawa "Malaysia adalah untuk Orang Malaysia (orang Melayu tidak patut mendapat hak istimewa)" ditentang oleh UMNO. Tuan Syed Jaafar Albar, salah seorang pemimpin UMNO dan nasionalis Melayu, mencadangkan supaya Lee Kuan Yew diganyang.

Untuk mengelakkan pertumpahan darah akibat rusuhan kaum Melayu dan Cina, Tunku membuat keputusan mengeluarkan Singapura daripada Malaysia pada 1965.

**Pada tahun 1963 hingga tahun 1966, Indonesia pula melancarkan Konfrontasi terhadap Malaysia.**

- Indonesia, atas hasutan Parti Komunis Indonesia (PKI), menentang penubuhan Malaysia.

- Setelah pengaruh PKI ditumbangkan, Indonesia telah menamatkan konfrontasinya terhadap Malaysia.

Pada tahun 1965 dan tahun 1968, Kongres Ekonomi Bumiputera telah diadakan. Banyak cadangan untuk membaiki kedudukan ekonomi Bumiputera telah dibincangkan. Ketika itu, cara untuk melaksanakan segala cadangan tersebut dianggap terlalu sukar.

## Hasil Kongres Ekonomi Bumiputera ini ialah penubuhan:

- Bank Bumiputera
- Perbadanan Nasional (PERNAS)
- Majlis Amanah Rakyat (MARA) menggantikan RIDA (*Rural Industrial Development Authority*).

# 10

# Peristiwa 13 Mei 1969

12 tahun setelah merdeka ... pada Mei 1969 ...

## Peristiwa 13 Mei terjadi.


THE
MAY
13
TRAGEDY
A REPORT
THE
NATIONAL OPERATIONS COUNCIL
Price: $1.00


MEI 13
SA-BELUM
DAN
SA-LEPAS

Berikutan keputusan pilihan raya yang baru sahaja diketahui, kuasa politik Melayu telah dicabar dan maruah orang Melayu dihina oleh pihak pelampau bukan Melayu.



*(Sumber: Tunku Abdul Rahman, Sebelum dan Selepas 13 Mei, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1969)*

◀ Perarakan yang sengaja menghina kedudukan politik orang Melayu diadakan oleh pihak pelampau bukan Melayu.



*(Sumber: Tunku Abdul Rahman, Sebelum dan Selepas 13 Mei, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1969)*




(Sumber: *Tunku Abdul Rahman, Sebelum dan Selepas 13 Mei*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1969)



(Sumber: Tunku Abdul Rahman, *Sebelum dan Selepas 13 Mei*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1969)



*(Sumber: Tunku Abdul Rahman, Sebelum dan Selepas 13 Me
Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1969)*

▲ Rusuhan terjadi, banyak nyawa melayang dan harta-benda musnah di Kuala Lumpur.



*(Sumber: Tunku Abdul Rahman, Sebelum dan Selepas 13 Mei, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1969)*



*(Sumber: Tunku Abdul Rahman, Sebelum dan Selepas 13 Me,*
*Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1969)*

▲ Golongan pelampau menggunakan apa-apa sahaja peluang untuk menghancurkan perpaduan rakyat Malaysia ketika itu.

# 11

# Strategi dan Kebijaksanaan Kepimpinan UMNO

**Untuk memastikan supaya ketenteraman awam dipulihkan dan Peristiwa 13 Mei tidak berulang lagi, Kerajaan Pusat dikuasai UMNO bertindak dengan cara:**

- Mengisytiharkan Undang-undang Darurat
- Menggantung Parlimen
- Menubuhkan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)
- Mengisytiharkan Rukunegara
- Menggubal Dasar Ekonomi Baru (DEB)




▲ Buku ini diharamkan pada mulanya oleh kerajaan.

Pelbagai dilema yang dihadapi oleh orang Melayu didedahkan dengan berani dan berterus terang oleh Dr. Mahathir Mohamad.



*Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 1982)*

◀ Tun Razak menjadi Perdana Menteri Kedua (1970 – 1976)



(Sumber: Arkib Negara)

Peningkatan pencapaian pendidikan untuk anak Melayu dilaksanakan menerusi Dasar Pendidikan Kebangsaan.

◀ Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan pada Mei 1970 untuk menjadi kemuncak kepada sistem Pendidikan Kebangsaan dan Tun Razak menjadi Canselornya yang pertama.

## Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan menerusi Rancangan Malaysia Kedua 1971 – 1975.

- Membasmi Kemiskinan
- Menyusun semula struktur ekonomi masyarakat

- Pada tahun 1974, gabungan parti-parti politik Barisan Nasional telah ditubuhkan dan seterusnya memenangi pilihan raya umum pada tahun tersebut.
- Sejak itulah Malaysia ditadbirkan oleh kerajaan Barisan Nasional.
- UMNO ialah parti utama yang menerajui kepimpinan Barisan Nasional.

## Majlis Amanah Rakyat (MARA)

- Pada tahun 1953, kerajaan kolonial telah menubuhkan RIDA (*Rural Industrial Development Authority*) yang dipengerusikan oleh Dato' Onn Jaafar. Pada tahun 1966, atas cadangan Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama, RIDA telah ditukar kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA). Antara lain, MARA berperanan untuk menggalakkan, membimbing, melatih dan membantu bumiputera dalam pelbagai bidang sosial, pendidikan dan ekonomi, termasuklah bidang pelaburan.

- Peranan yang dimainkan oleh MARA dalam melahirkan golongan profesional Melayu, terutamanya menerusi Institut Teknologi MARA, sangatlah penting.

# 12

# Transformasi dan Pembangunan Masyarakat Melayu



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Nasib masyarakat Melayu dibela menerusi Dasar Ekonomi Baru.



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Tun Razak digelar "Bapa Pembangunan".



*(Sumber: Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka, Pustaka Budiman, 1982)*

Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri Ketiga, menggantikan Tun Razak yang telah meninggal dunia.

◀ Perdana Menteri Malaysia Ketiga 1976 – 1981

- Tun Hussein Onn meneruskan Dasar Ekonomi Baru yang telah diasaskan semasa kepimpinan Tun Abdul Razak.

- Tun Hussein Onn juga telah merancang pembangunan perindustrian jangka panjang bagi Malaysia.

- Tun Hussein Onn juga telah melancarkan Yayasan Permodalan Bumiputera dan Permodalan Nasional Berhad bagi membantu Bumiputera terlibat dalam pemegangan ekuiti dan saham.



(Sumber: Arkib Negara)

Pada 16 Julai 1981, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat ketika berusia 56 tahun.

◀ Tun Dr. Mahathir bin Mohamad Perdana Menteri Malaysia keempat (1981 - 2003)

## Pada tahun pertama memegang jawatan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir memperkenalkan:

- Budaya kerja yang lebih cekap, bersih, dan amanah di kalangan para pekerja sektor awam
- Dasar pandang ke timur, terutamanya mempelajari sistem dan budaya kerja Jepun
- Penggunaan sistem metrik
- Waktu yang selaras antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak
- Perbankan Islam di Malaysia
- Konsep persyarikatan Malaysia, iaitu mempereratkan kerjasama antara sektor awam dengan sektor swasta bagi memesatkan lagi perkembangan perindustrian, dan sebagainya

# Pada Mei 1983, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ditubuhkan

- Tun Dr. Mahathir bin Mohamad merealisasikan penubuhan UIAM yang dicadangkan oleh kongres mengenai falsafah pendidikan Islam di Makkah pada tahun 1977.
- Kini, kampusnya yang hebat terletak di Gombak, Selangor.




(Sumber: Kamaruddin M. Said)

▲ 1985: Kereta nasional dilahirkan. Dalam tahun ini juga, Jambatan Pulau Pinang siap dibina dan dirasmikan. Begitu juga dengan Pusat Dagangan Dunia Putra yang siap dibangunkan pada tahun yang sama.







*(Sumber: Kamaruddin M. Said)*

▲ 1985: Pusat Dagangan Dunia Putra siap dibangunkan.




(Sumber: Kamaruddin M. Said)

◀ Nama pengasas UMNO diabadikan pada bangunan tinggi di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Pada tahun 1990, jangkamasa perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) berakhir. Pada 17 Jun 1991, Kerajaan melancarkan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2).

Pada hakikatnya, DPN mengekalkan strategi asas yang terkandung dalam DEB, iaitu:

- membasmi kemiskinan rakyat
- menyusun semula struktur masyarakat yang tidak seimbang

Pada tahun 1991 juga, Kerajaan telah mengumumkan Wawasan 2020 yang menyatakan hasrat 20 perkara yang ingin dicapai oleh negara. Hasrat ini termasuklah menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian maju sepenuhnya pada tahun 2020.

**Untuk mencapai hasrat Wawasan 2020, kerajaan menggubal serta melaksanakan dasar-dasar yang berikut:**

1. Dasar Perindustrian Negara
2. Dasar Pertanian Negara
3. Dasar Halacara Baru dalam Pembangunan Kampung dan Luar Bandar
4. Dasar Persyarikatan Malaysia
5. Dasar Penswastaan
6. Dasar Pengurusan Perbelanjaan Awam
7. Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran
8. Dasar Bersih, Cekap, dan Amanah
9. Dasar Pandang ke Timur



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

# Imej Melayu mewarnai wajah Kuala Lumpur

◀ Bangunan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang menguruskan pelbagai saham amanah untuk orang Melayu, termasuklah Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera.
Bangunan PNB mempamerkan reka bentuk rumah Melayu.



*(Sumber: Kamaruddin M. Said)*

- Kepimpinan politik Melayu menerusi UMNO telah memenuhi hasrat asalnya untuk memperteguhkan kedudukan agama Islam di Malaysia.

- Pelbagai program peningkatan kedudukan Islam dilaksanakan secara berterusan. Ini termasuklah pembinaan masjid yang selesa dan indah di seluruh negara.

◀ Masjid Shah Alam yang indah.



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

▲ Masjid Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur.



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

▲ Masjid Negara.





(Sumber: Buku Cenderamata Masjid Wilayah Persekutuan)

◀ Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, merupakan salah sebuah masjid yang boleh dibanggakan oleh orang Melayu di negara ini kerana kehebatan reka bentuknya.








◀ Bilangan masjid yang telah dibina oleh kerajaan pimpinan UMNO mungkin berjumlah melebihi 10 000 buah di seluruh negara.



(Sumber: Kamaruddin M. Said)



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

◀ Bangunan Tabung Haji – Tabung Haji ditubuhkan oleh kerajaan bagi membantu orang Melayu menabung untuk kegunaan menunaikan fardu haji.




(Sumber: Kamaruddin M. Said)

▲ Sektor perikanan turut membangun dan dapat membebaskan nelayan Melayu daripada cengkaman kemiskinan.



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

- Pihak kerajaan berjaya melaksanakan program membasmi kemiskinan.

- Golongan miskin yang masih wujud terus mendapat pembelaan daripada pihak kerajaan.



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

▲ Anak Melayu telah boleh menjadi arkitek yang berkebolehan.



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

▲ Bilangan doktor perubatan Melayu semakin bertambah.



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

◀ Bilangan doktor gigi Melayu juga semakin bertambah.



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

▲ Orang Melayu berpeluang mempelajari apa-apa sahaja.



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

▲ Stadium Putra di Bukit Jalil.



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

◀ Imej dan simbol kebudayaan Melayu menjadi pencakar langit.



(Sumber: Arkib Negara)

▲ Imej pekan Cina berubah secara perlahan-lahan.







◀ Lapangan terbang dan sistem pengangkutan yang serba moden dibangunkan.



(Sumber: PETRONAS)

Pada tahun 1974, PETRONAS, singkatan Petroleum Nasional Berhad, telah ditubuhkan dan dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Pusat sebagai syarikat yang akan membangunkan industri petroleum di Malaysia.







(Sumber: PETRONAS)

Kini, setelah beroperasi selama hampir 30 tahun, PETRONAS menjadi sebuah syarikat minyak multi nasional yang mempunyai kepentingan di 20 buah negara di seluruh dunia. Setakat 2001, PETRONAS mempunyai 62 buah anak syarikat milik sepenuhnya, 19 buah syarikat milik bersama, dan 47 buah syarikat bersekutu. Kegiatan utama PETRONAS yang mempunyai pekerja seramai kira-kira 20 000 orang ini adalah dalam bidang cari gali, mengeluarkan minyak dan gas, penapisan minyak, pemasaran, dan sebagainya.



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

◀ Munculnya bangunan pencakar langit berkembar yang tertinggi di dunia ini ialah simbol kejayaan serta kesungguhan PETRONAS melaksanakan hasrat Kerajaan Pusat dalam membangunkan industri petroleum di Malaysia.



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

◀ Masjid Putrajaya.



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

▲ Jabatan Perdana Menteri di Puttrajaya – simbol jati diri negara.



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

ديوان بهاس دان فوستاک
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
*Malaysia*

- Sejak tahun 1959, Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat untuk memainkan peranan membina dan memperkaya bahasa Melayu, sebagai bahasa kebangsaan, dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi.
- DBP juga berperanan untuk memperkembang bakat sastera, khususnya dalam bahasa kebangsaan.
- DBP juga berperanan besar dalam melaksanakan agenda Dasar Pendidikan Kebangsaan menerusi kegiatan penerbitan buku pelajaran dalam bahasa kebangsaan, membakukan ejaan, membentuk dan memperkayakan istilah, dan menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul.


(Sumber: Kamaruddin M. Said)

◀ Kerajaan pimpinan Melayu membangunkan bandar Kuala Lumpur dalam masa yang singkat.




(Sumber: Arkib Negara)

- Mengimbas kembali sejarah orang Melayu.
- Pada tahun 1948, orang Melayu masih belum terfikir adakah impian mereka untuk membangun dari segi ekonomi (iktisad) akan menjadi kenyataan?

Orang Melayu telah diubah nasibnya apabila ketuanan Melayu menggunakan kebijaksanaan pemerintahannya selama 30 tahun, iaitu sejak DEB dilaksanakan. Hampir 500 tahun orang Melayu menunggu peluang keemasan ini.

# 13

# Ketika Berlaku Perpecahan di Kalangan Orang Melayu

- Krisis ekonomi mulai tahun 1997 menjadikan Melayu berpecah kerana ada pihak yang tidak sabar menghadapi dugaan.

- Apabila orang Melayu tidak bersatu dan kelihatan lemah, orang lain semakin berani menghina dan mencabar ketuanan Melayu.

- Orang Melayu perlu meneliti kembali punca-punca yang menyebabkan mereka berpecah.

- Orang Melayu juga perlu memikirkan dengan serius tentang akibat perpecahan mereka terhadap masa hadapan anak cucu mereka.

## OGOS 1999: Akibat perpecahan di kalangan orang Melayu:

- **Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia** (SUQIU) mengemukakan 17 perkara yang perlu dipertimbangkan oleh para pengundi Cina dalam Pilihan Raya Umum November 1999.

- Rayuan ini dikatakan dibuat atas nama **2 095** buah pertubuhan Cina di Malaysia.

## Pertubuhan-pertubuhan Cina yang terlibat dengan SUQIU ialah:

1. Persekutuan Persatuan-persatuan Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong)
2. Persekutuan Persatuan-persatuan Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong)
3. Persekutuan Persatuan-persatuan Alumni Sekolah Cina Malaysia
4. Nanyang University Alumni Association of Malaysia
5. Taiwan Graduates Alumni Association of Malaysia
6. Dewan Perhimpunan Cina Selangor
7. Federation of Guangdong Association of Malaysia
8. Federation of Guangxi Associations of Malaysia
9. Federation of Sanjiang Associations of Malaysia
10. Federation of Fuzhou Associations of Malaysia
11. Huazi Research Centre
12. Dewan Perhimpunan Cina Negeri Sembilan
13. Federation of Hokkien Associations of Malaysia

## Antara perkara yang disentuh ialah berkaitan dengan:

1. Penghapusan hak istimewa orang Melayu

2. Penghapusan tindakan afirmatif (sistem kuota) bagi orang Melayu

3. Penghapusan perbezaan antara bumiputera dengan bukan bumiputera



# TUNTUTAN 17 SUQIU

OLEH ANN WAN SENG

TINDAKAN Jawatankuasa Rayuan Pilihan raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) mengulangi semula tuntutan 17 perkaranya telah menimbulkan rasa kurang senang kepada para pemimpin Umno. Pergerakan Pemuda Umno telah mendesak supaya Suqiu menarik balik semula tuntutannya itu kerana ia menyentuh hak istimewa orang Melayu. Di antara tuntutan Suqiu ialah supaya perbezaan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera dihapuskan dalam segala bidang, sistem kuota yang berasaskan kaum dihapuskan dan diganti dengan sistem penggajian berdasarkan kebolehan masing-masing serta pembatalan perlaksanaan rancangan Sekolah Wawasan.

Tuntutan itu dianggap sebagai tidak wajar kerana ia menyentuh persoalan yang berkaitan dengan hak ketuanan Melayu di negara ini. Namun kalau diperhalusi maka akan didapati bahawa tuntutan itu tidak bertujuan untuk menghapuskan hak istimewa orang Melayu melainkan meminta kerajaan supaya bersikap lebih adil dan saksama bagi memastikan semua kaum mendapat peluang serta tidak ada seorang pun rakyat dipinggir dan diketepikan daripada setiap dasar yang dilaksanakan.

Malahan kalau diteliti kesemua tuntutan yang dibuat oleh Suqiu didapati ia tidak bertujuan untuk membangkitkan sentimen perkauman tetapi sekadar untuk memastikan hak setiap rakyat negara ini sebagaimana yang termaktub di dalam perlembagaan terpelihara. Tuntutan yang dibuat oleh Suqiu itu sepatutnya membuka mata pihak kerajaan terhadap kegelisahan dan rasa tidak puas hati masyarakat Cina berhubung perlaksanaan beberapa dasar yang hanya menguntungkan segelintir pihak sahaja.

Penentangan yang dilakukan oleh para pemimpin Umno terhadap tuntutan Suqiu itu dibuat bukan kerana mahu menjaga kepentingan orang Melayu dan golongan Bumiputera. Tetapi penentangan ini dibuat bagi menjaga kedudukan dan kepentingan politik mereka dengan mempolitikkan tuntutan ini secara emosional dan bukannya menanganinya secara rasional. Ini kerana secara keseluruhannya tuntutan itu tidak menyentuh hak dan sensitiviti orang Melayu kecuali memperlihatkan sikap dan pandangan orang Cina terhadap beberapa perkara yang dianggap memerlukan tindakan serta perhatian daripada pihak kerajaan.

Umpamanya, tuntutan supaya Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dihapuskan tidak boleh ditafsirkan sebagai tuntutan yang bersifat menentang kerajaan. Perlu diingatkan bahawa Suqiu ialah sebuah badan bertindak bebas yang mendapat sokongan lebih daripada dua ribu persatuan Cina yang terdapat di negara ini. Ia bukan merupakan badan politik ataupun pertubuhan yang ditaja oleh parti politik.

Meskipun kebanyakan tuntutannya mempunyai persamaan dengan tuntutan yang dibuat oleh parti pembangkang tetapi apa yang diutarakannya itu adalah mewakili suara majoriti masyarakat Cina. Jadi, desakan dan tuntutan Suqiu perlu dilihat diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Sebarang usaha untuk mengaitkan Suqiu dengan parti-parti pembangkang hanya akan mengeruhkan suasana. Sedangkan apa yang dilakukan oleh Suqiu itu adalah sejajar dengan amalan demokrasi yang membenarkan setiap rakyat ini menyatakan pandangan dan menetapkan pendiriannya.

Kerajaan sepatutnya membuat kajian dan penelitian terhadap 17 tuntutan yang dikemukakan oleh Suqiu. Tetapi apa yang berlaku adalah di sebaliknya kerana tuntutan Suqiu itu dilihat sebagai percubaan untuk menggugat kerajaan yang sedia ada. Oleh itu, usaha Pergerakan Pemuda Umno untuk bertindak balas terhadap tindakan Suqiu itu menampakkan sikap tidak matang dan terburu-buru para pemimpinnya. Hishamuddin seharusnya berfikir dahulu sebelum membuat sebarang kenyataan dan tindakan kerana banyak lagi cara dan saluran boleh digunakan untuk menyelesaikan pertikaian yang berlaku itu daripada mengadakan perhimpunan secara besar-besaran.

Sebelum ini mereka menentang dan mengecam perhimpunan yang diadakan oleh para penyokong reformasi serta mana-mana pihak tetapi kini mereka pula yang mahu mengadakan perhimpunan. Justeru, tindakan dan perbuatan Pemuda Umno ini boleh diibaratkan seperti meludah ke langit akhirnya ludah itu jatuh ke batang hidungnya sendiri. Kita berharap pihak berkuasa menyekat perhimpunan itu daripada diadakan bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman awam berada di dalam keadaan yang terkawal.

Sekiranya perhimpunan itu diadakan juga maka tangkapan perlu dilakukan ke atas para penganjurnya dan mereka yang mengambil bahagian di dalam perhimpunan itu seperti mana yang dilakukan terhadap para penyokong Anwar Ibrahim. Jikalau perhimpunan itu dibenarkan maka perhimpunan oleh pihak lain dan parti pembangkang juga seharusnya diberikan kebenaran tanpa sebarang halangan, sekatan dan ugutan. Ini baru dikatakan sebagai adil kerana semua pihak tertakluk kepada undang-undang tidak kira ia datang daripada parti pemerintah ataupun pembangkang.

Kerajaan tidak semestinya memenuhi tuntutan Suqiu. Suqiu sendiri pun tidak mendesak supaya kesemua tuntutan 17 perkara itu diterima pihak kerajaan. Apa yang mereka mahu ialah tuntutan itu membuka satu ruang dan forum bagi membincangkan segala persoalan yang ditimbulkannya itu serta mendengar setiap keluhan, bantahan dan protes daripada masyarakat Cina.

Tujuannya ialah untuk mencari penyelesaian terhadap setiap masalah yang ditimbulkan dan berbangkit dalam masyarakat Cina sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengekalkan keharmonian kaum yang terjalin baik selama ini. Kegagalan kerajaan memahami realiti dan intipati di sebalik tuntutan Suqiu itu merupakan punca kepada polemik dan kontroversi yang berlaku sekarang ini. Jangan salahkan pembangkang kalau mereka menyokong Suqiu kerana sebahagian daripada tuntutannya adalah sejajar dengan tuntutan mereka khususnya berhubung isu yang berkaitan dengan prinsip keadilan dan hak asasi manusia.

◀ UMNO menentang tuntutan SUQIU.



# Kingdom Of Purplaya

*by Cecil Rajendra*

The Kingdom of Purplaya
is located somewhere in Asia
slightly north of the Equator.

Its people are of mixed origin:
some Indonesians, some Chinese
some Indians, some Portuguese ...

Most Purplayans were immigrants
from the neighbouring countries;
only a handful are pure indigenes

who live up in the mountains
and are hunters & food gatherers
but not land-owners - just tenants

These natives - true sons of the soil -
have been made marginal
by usurpers who stole their mantle

claiming that they are the original
god-chosen people of Purplaya and all
others, including indigenes, are mere aliens.

To ensure these privileges in perpetuity
this 'purple' bunch of pretenders
(with aid of their colonial masters)

drew up a farcical Constitution
which ensured that King & President
would always be of their persuasion.

They implemented a quota system
to reserve places for their children
in school, college & university;

stuffed ranks of Police & Army
with officers of their nomination
to protect their pockets & property;

and legislated that any question
of their special powers & position
would invite a charge of treason.

These self-anointed 'purple people'
now enjoy licences unlimited
for they are the only ones free

to libel enemies in their papers
burn effigies on street-corners
while other citizens of the country

face torture & imprisonment
if they criticise the government
or organise any kind of rally.

Still, this apartheid autocracy
- the world's last bastion
of institutionalised racism -

harbours pretensions extraordinary
and lays claim to be
the only true surviving democracy!

*(Sumber: Majalah Aliran Bilangan 2001 : 21(1))*

◀ Sajak yang menghina Melayu diterbitkan oleh majalah *Aliran* Bilangan 2001:21 (1).

The Kingdom of Purplaya
is located somewhere in Asia
slightly north of the Equator.

Its people are of mixed origin:
some Indonesians, some Chinese
some Indians, some Portuguese .....

Most Purplayans were immigrants
from the neighbouring countries;
only a handful are pure indigenes

who live up in the mountains
and are hunters & fruit gatherers
but not land-owners - just tenants.

These natives - true sons of the soil -
have been made marginal
by usurpers who stole their mantle

claiming that they are the original
god-chosen people of Purplaya and all
others, including indigenes, are mere aliens.

To ensure their privileges in perpetuity
this 'purple' bunch of pretenders
(with aid of their colonial masters)

drew up a farcical Constitution
which ensured that King & President
would always be of their persuasion.

They implemented a quota system
to reserve places for their children
in school, college & university;

stuffed ranks of Police & Army
with officers of their nomination
to protect their pockets & property;

and legislated that any question
of their special powers & position
would invite a charge of treason.

These self-anointed 'purple people'
now enjoy licences unlimited
for they are the only ones free

to libel enemies in their papers
burn effigies on street-corners
while other citizens of the country

face torture & imprisonment
if they criticise the government
or organise any kind of rally.

Still, this apartheid autocracy
- the world's last bastion
of institutionalised racism -

harbours pretensions extraordinary
and lays claim to be
the only true surviving democracy!

Kerajaan Purplaya
berada di satu tempat di Asia
di utara Khatulistiwa

Rakyat berasal usul pelbagai;
Ada Indonesia, ada Cina
ada India, ada Portugis ...

Kesemua rakyat Purplaya adalah imigran
dari negeri-negeri jiran;
hanya segelintir yang benar-benar peribumi

mereka hidup di bukit bukau
sebagai pemburu dan pengumpul
tidak pernah menjadi tuan tanah – hanya penyewa.

Peribumi ini – warga asal tanah airnya
telah dipinggirkan
oleh si perampas yang mencuri miliknya

mereka mengaku mereka peribumi
rakyat Purplaya yang diistimewakan Tuhan
orang lain dianggap asing.

Untuk menjamin keistimewaannya terpelihara
si sawo matang yang bermuka-muka ini
(dengan bantuan tuan penjajah mereka)

Menggubal sebuah Perlembagaan
yang menetapkan Raja dan Presiden
daripada keturunan mereka sahaja.

Mereka amalkan sistem kuota
sediakan tempat belajar untuk anak mereka
di sekolah, maktab dan universiti,

melantik anggota polis dan tentera
dengan para pegawai pilihan mereka
untuk melindungi poket dan kekayaan mereka;

adakan undang-undang yang membolehkan
siapa yang bertanya tentang kuasa dan kedudukan mereka
didakwa atas tuduhan mengkhianati negara.

Orang-orang sawo matang yang hampir kelemasan ini
kini membolot segala lesen tanpa had
kerana hanya mereka sahajalah yang bebas

untuk mencerca musuh mereka dalam akhbar
membakar patung musuh di persimpangan jalan
sedangkan rakyat lainnya

disiksa dan dipenjarakan
jika mereka mengkritik kerajaan
atau mengadakan tunjuk perasaan.

Namun, pemerintah kuku besi apartheid ini
– satu-satunya yang masih wujud di dunia
adalah pengamal institusi perkauman

mereka bermuka-muka dengan luar biasa
sambil mendabik dada
mengamalkan demokrasi!

Golongan pelampau ini begitu pandai melaga-lagakan orang Melayu. Inilah akibatnya apabila orang Melayu berpecah dan lemah.

# 14

# Menguruskan Kejayaan



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

◀ Jika orang Melayu berpecah dan lemah, nasib dan masa depan anak-anak Melayu tidak terjamin.



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

▲ Kita tidak akan membiarkan senyuman ini menjadi tangisan akibat kita mudah lupa kepada sejarah.



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

▲ Patriotisme perlu senriasa teguh.



(Sumber: Kamaruddin M. Said)

▲ Bandar raya Kuala Lumpur yang dibangunkan oleh kerajaan Barisan Nasional dengan kerjasama pelbagai pihak.

- Wawasan 2020 inginkan supaya negara kita membangun dengan lebih pesat dalam segala bidang dan rakyatnya hidup selesa, aman, dan damai.

- Wawasan ini akan tercapai jika kita sentiasa berhati-hati dalam membuat pemilihan serta keputusan berdasarkan pengetahuan sejarah bangsa kita.




(Sumber: Kamaruddin M. Said)

▲ Kepada generasi muda, perjuangan mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ialah sebahagian daripada pengetahuan sejarah dan mungkin dipelajari untuk lulus peperiksaan. Ini tidak mencukupi. Memahami sejarah kita sendiri boleh membantu kita mempertahankan jati diri (identiti) serta kekuatan kita sendiri.

- Perjuangan orang Melayu menghadapi cabaran selama 500 tahun ini masih belum selesai.

- Hakikat: **Kebijaksanaan** dan **perpaduan** Melayu telah memungkinkan kemundurannya akibat terbelenggu selama 500 tahun itu berubah menjadi satu pencapaian yang dikagumi di seluruh dunia.

- Jika pada hari ini, orang Melayu berpecah dan menjadi sangat lemah, anak cucu Melayu akan kehilangan ketuanannya, dan akan terpaksa menghadapi cabaran selama ratusan tahun pula, untuk kembali berkuasa.



(Sumber: Utusan Malaysia)

▲ Orang Melayu tidak patut mudah lupa, atau tidak ingin tahu tentang sejarah perjuangan bangsanya.




(Sumber: Utusan Malaysia)

▲ Perjuangan orang Melayu masih belum selesai ....

- Di bawah pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, Malaysia melaksanakan pelbagai proses pembangunan dengan lebih pesat. Orang Melayu, sama ada di desa ataupun di bandar, mendapat peluang dan faedah dalam pelbagai bidang.

- Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melaksanakan pelbagai dasar penting (Dasar Pandang ke Timur, Dasar Penswastaan, Wawasan 2020, dan sebagainya) yang telah menjadikan Malaysia sebuah negara membangun dan negara perindustrian baru yang dicontohi oleh Dunia Ketiga.

- Tun Dr. Mahathir Mohamad telah berjaya melahirkan kelas menengah (termasuklah golongan profesional dan korporat) di kalangan orang Melayu.



(Sumber: Utusan Malaysia)

▲ Pada 1 November 2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyerahkan pucuk kepimpinan negara kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Penyerahan tugas dan tanggungjawab sebagai Perdana Menteri ini telah berlangsung secara tertib, tersusun, dan lancar.



*(Sumber: New Straits Times, 1 November 2003)*

▲ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kini menjadi harapan untuk meneruskan daya dan kebijaksanaan kepimpinan negara bagi membolehkan orang Melayu dan seluruh rakyat Malaysia menghadapi cabaran yang lebih besar pada masa hadapan.

Sejarah membuktikan bahawa dengan bersatu padu sahajalah orang Melayu dapat membebaskan dirinya daripada belenggu penjajah, dapat menerajui kepimpinan negaranya, dan dapat pula mencapai pembangunan dalam pelbagai bidang kehidupan untuk dunia dan akhirat. Dengan perpaduan juga orang Melayu akan dapat menjamin masa depan yang cerah untuk anak cucunya. Dengan perpaduan, orang Melayu akan dapat menjamin kata-kata Hang Tuah, "Tidak akan Melayu hilang di dunia".



◄ Fahamlah saya, kenapa sejarah penting untuk diketahui.